

Isu kritikan terhadap PM perlu dihentikan

Beberapa MB, pemimpin minta rakyat terima penjelasan Pak Lah

Oleh **Azman Mahmood, Shamsul Kamal Amarudin, Johari Ibrahim dan Rafidah Mat Ruzki.**

KUALA LUMPUR: Beberapa Menteri Besar dan pemimpin Umno mahu polemik isu kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dihentikan selepas Perdana Menteri menjawab semua tuduhan itu.

Di IPOH, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata beliau menghormati Dr Mahathir ibarat bapa dalam sebuah keluarga" tetapi taat setianya hanya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tegasnya, bekas Perdana Menteri itu boleh berbuat apa saja terhadapnya termasuk mengkritik kenyataan yang dibuatnya tetapi pendirian beliau menyokong Perdana Menteri tetap tidak akan berubah.

Katanya, ibarat dalam sebuah keluarga, kadang-kadang seorang anak tidak bersetuju dengan ayahnya tetapi masih tetap menghormatinya sebagai bapa.

"Anda fikir ia salah? Saya mem-

beritahu semua orang ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, saya mematuhi kerana dia ketua kerajaan ketika itu.

"Sudah tentu jika saya tidak suka Perdana Menteri sekarang, saya akan letak jawatan kerana itu prinsip kepemimpinan. Selagi saya masih memegang kepemimpinan negeri, saya sokong Pak Lah," kalanya selepas mengadakan pertemuan dengan pelabur dan pengusaha industri di Bilik Gerakan Negeri di sini, semalam,

Tajol Rosli mengulas tindakan Dr Mahathir yang menghalakan kritiknya kepada beliau dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim kerana menyatakan sokongan penuh kepada Abdullah.

Sambil mengambil pendirian tidak mahu mengeruhkan lagi keadaan, Tajol Rosli menyifatkan kritikan itu ibarat perselisihan kecil dalam sebuah keluarga dan menolak segala usaha untuk melagakan beliau dengan Dr Mahathir.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno. Tan Sri Muhammad Muhd Taib mendedahkan ada 'orang sekeliling' Dr Mahathir mahu merosakkan reputasi dan menjatuhkan ke-

udukannya sebagai bekas Perdana Menteri yang dihormati.

Beliau berkata, tindakan itu dilakukan dengan menyalurkan pelbagai maklumat tidak tepat dan tidak benar kepada Dr Mahathir supaya mengkritik dan memburukkan kerajaan diterajui Perdana Menteri.

Katanya, ada orang tertentu yang rapat dengan Dr Mahathir sengaja mengambil peluang membawa cerita dan memberi maklumat yang negatif mengenai kerajaan sekarang kepada beliau.

"Mereka ini membawa cerita tidak baik, seolah-olah menghasut Tun. Mereka perlu menghentikan segera perbuatan itu kerana tanggungjawab yang lebih penting ialah melihat kerajaan pimpinan Abdullah menjadi kukuh." katanya di ibu negara, semalam.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata beliau yakin penjelasan Perdana Menteri mengenai isu pentadbiran dan keluarganya Isnin lain berupaya menjelaskan kekeliruan rakyat.

Katanya, Abdullah berhak untuk membuat penjelasan itu berikutan tugasnya sebagai ketua pentadbiran

negara bagi menepis salah tanggapan yang mungkin wujud di kalangan rakyat.

"Sebagai ketua kerajaan, Perdana Menteri berhak menjelaskan kepada rakyat kerana jika tidak dilakukan akan menimbulkan kekeliruan kepada rakyat. Isu itu juga menyentuh kerajaan dan keluarganya sendiri dan beliau berhak menjelaskan," katanya di Kuala Nerang, semalam.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo meminta semua pihak menghentikan polemik pelbagai isu semasa dan kontroversi yang sudah dijelaskan oleh Perdana Menteri.

"Masyarakat yang torus berpolemik mengenai hal sama setiap masa akan hanya rugi. Rakyat sepatutnya menerima penjelasan dengan hati terbuka dan kita kena maju dan bekerja keras untuk meningkatkan ekonomi negara," katanya di Shah Alam.

Ditanya sama ada pernah menerima arahan daripada Naib Ketua-Pemuda, Umno, Khairy Jamaluddin berhubung hal pentadbiran kerajaan negeri, Dr Mohamad Khir berkata, penafian Khairy perlu diterima.